



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 18

28hb Ogos 2008

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 11.

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI
SELANGOR) 2007**

**PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS
(NEGERI SELANGOR) 2008**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

STANDARD AMALAN PERLADANGAN

3. Kebersihan ladang
4. Biosekuriti

Peraturan

5. Lokasi ladang
6. Kawalan penyakit
7. Vaksin dan program pemvaksinan
8. Ubat, racun dan bahan kimia
9. Air minuman unggas
10. Kawalan lalat
11. Kawalan bau
12. Kawalan habuk
13. Kawalan makhluk perosak
14. Suci hama
15. Pelupusan sisa ladang
16. Rekod ladang

BAHAGIAN III

PELBAGAI

17. Kesalahan yang boleh dikompaun
18. Melaporkan perubahan maklumat ladang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2007

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 33 Enakmen Perlindungan Unggas (Negeri Selangor) 2007 [*Enakmen No. 3 tahun 2007*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Unggas (Negeri Selangor) 2008**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah berkuat kuasa pada 28 Ogos 2008.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“biosekuriti” ertinya langkah-langkah kumulatif yang perlu diambil bagi menghalang penyakit (virus, bakteria, kulat, protozoa, parasit) daripada masuk ke dalam ladang dan mencegah penularan penyakit oleh manusia, serangga, tikus dan unggas/haiwan liar dari ladang yang dijangkiti ke ladang-ladang berhampiran;

“Peralatan pengesan tahap gas” ertinya alat pengesan Gasman Personal Gas Monitor atau peralatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Pengarah;

“rumpun” ertinya termasuk semua jenis rumput, rumpai, pokok renek dan lain-lain pokok tetapi tidak termasuk pokok yang ditanam bagi tujuan perhiasan, teduhan, penanaman dan penambahan pendapatan;

“*Scudder fly grill*” ertinya alat yang digunakan untuk mengukur infestasi lalat di ladang.

BAHAGIAN II

STANDARD AMALAN PERLADANGAN

Kebersihan ladang

3. Pemegang lesen hendaklah—

(a) sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dan premis ladang;

(b) memastikan rumput supaya tidak melebihi 15 sm tinggi serta juga segala tumbuhan dalam kawasan ladang; dan

(c) menyelenggarakan dengan baik sistem saliran reban dan ladang.

Biosekuriti

4. Pemegang lesen hendaklah menyediakan prasarana biosekuriti asas seperti yang berikut:

- (a) seluruh kawasan sempadan hendaklah dipagarkan dengan pagar yang sesuai dan diselenggarakan dengan baik;
- (b) mewujudkan sistem kawalan keselamatan di pintu masuk ladang; dan
- (c) menyediakan kemudahan suci hama seperti pencelup atau penyembur tayar kenderaan dan pencelup kaki.

Lokasi Ladang

5. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan ladang unggasnya dalam lingkungan minimum dua ratus meter dari mana-mana rumah kediaman, sekolah, klinik atau tempat ibadat yang sedia ada.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi mana-mana ladang unggas yang mengamalkan sistem ladang tertutup.

Kawalan penyakit

6. (1) Pemegang lesen hendaklah memantau status penyakit di ladang mengikut jadual dan menyimpan rekod pemantauan penyakit yang lengkap dan kemas kini.

(2) Sekiranya berlaku wabak atau serangan penyakit di ladang, pemegang lesen hendaklah serta-merta mengambil langkah yang sepatutnya atau kawalan dan pencegahan sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai diberi kuasa.

Vaksin dan program pemvaksinan

7. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan melaksanakan program pemvaksinan unggas.

(2) Hanya jenis vaksin yang sesuai dan diluluskan oleh Kerajaan sahaja boleh digunakan di ladang.

(3) Apa-apa bahan vaksin hendaklah disimpan, dikendalikan dan digunakan mengikut prosedur yang ditentukan oleh pengeluarinya.

Ubat, racun dan bahan kimia

8. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) menggunakan, mengendalikan dan menyimpan ubat, racun dan bahan kimia mengikut prosedur yang ditentukan oleh pengeluarinya;

- (b) menyimpan apa-apa ubat pada kuantiti yang menurut keperluan sebenar bagi apa-apa kegunaan dalam sesuatu tempoh masa sebelum tarikh luputnya; dan
- (c) menggunakan ubat, racun dan bahan kimia daripada jenis yang diluluskan oleh Kerajaan.

Air minuman unggas

9. Pemegang lesen hendaklah menggunakan air dari sumber yang bersih atau air yang telah dirawat terlebih dahulu dengan kimia seperti klorin atau bahan pesanitasi lain yang diluluskan oleh kerajaan.

Kawalan lalat

10. (1) Pemegang lesen bertanggungjawab untuk—

- (a) memastikan supaya tahap infestasi lalat di ladang berada pada paras minimum;
- (b) memantau infestasi lalat pada semua peringkat pemeliharaan secara berkala;
- (c) memastikan catatan indeks lalat tidak melebihi 10 dengan menggunakan kaedah *Scudder fly grill* berukuran 24 inci X 24 inci selama 30 saat;
- (d) mengadakan langkah-langkah kawalan dengan segera jika bacaan indeks melebihi 10; dan
- (e) memastikan apa-apa najis unggas sentiasa berada dalam keadaan kering bagi memastikan tiada larva dalam kawasan ladang.

(2) Pembuangan najis hendaklah dilakukan dengan cara yang baik bagi mengelakkan najis terdedah kepada unsur cuaca dan pembiakan lalat.

Kawalan bau

11. (1) Pemegang lesen bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah supaya tahap bau di ladang terkawal dan tidak mengganggu kesejahteraan awam.

(2) Tahap gas ammonia dalam reban hendaklah di bawah 20 bahagian per sejuta (ppm).

(3) Tahap gas hidrogen sulfida dalam reban hendaklah di bawah 5 ppm.

Kawalan habuk

12. Pemegang lesen hendaklah memastikan habuk dari ladang tidak mencemar udara dan mengganggu kesejahteraan awam.

Kawalan makhluk perosak

13. Pemegang lesen hendaklah mengadakan sistem/prosedur kawalan makhluk perosak yang berkesan atau sebagainya mengikut kesesuaian.

Suci hama

14. Pemegang lesen hendaklah memastikan reban dibersihkan dan disuci hama selepas setiap pusingan pengeluaran dan dibiarkan kosong untuk tempoh yang sesuai sebelum kumpulan unggas baru dibawa masuk ke dalamnya.

Pelupusan sisa ladang

15. Pemegang lesen bertanggungjawab untuk—

- (a) melupuskan dengan segera unggas mati, sarap dan sampah;
- (b) memungut dan mengendalikan dengan cara yang betul karkas unggas untuk mengelak kemungkinan menjadi punca merebaknya penyakit; dan
- (c) memastikan bahawa cara pelupusan karkas unggas, sampah, sarap dan sisa ladang yang lain tidak menyebabkan pencemaran persekitaran dan mengganggu kesejahteraan awam.

Rekod ladang

16. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan rekod ladang yang lengkap mengandungi maklumat berikut:

- (a) sumber anak unggas;
- (b) sumber makanan;
- (c) kematian atau singkiran;
- (d) pemberian ubat atau vaksin; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen.

(2) Rekod hendaklah diselenggara dengan baik dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN III

PELBAGAI

Kesalahan yang boleh dikompaun

17. (1) Kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 20 dan 21 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007, Pengarah boleh mengkompaun mana-mana kesalahan.

(2) Pengarah boleh mengarahkan Pegawai Pelesen untuk membuat tawaran kompaun dalam Borang yang ditetapkan menurut Jadual Pertama.

(3) Penerimaan tawaran kompaun oleh pesalah hendaklah dibuat menggunakan Jadual Kedua.

Melaporkan perubahan maklumat ladang

18. (1) Mana-mana pemegang lesen yang ingin melakukan perubahan kepada struktur atau kapasiti ladang atau perubahan lain dalam tempoh sah lesen hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan secara bertulis kepada Pengarah.

(2) Setelah permohonan diterima, Pengarah boleh mengarahkan Pegawai Pelesen diberi kuasa untuk menjalankan siasatan.

(3) Setelah menimbangkan dan berpuas hati dengan laporan Pegawai Pelesen diberi kuasa, Pengarah boleh meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

JADUAL PERTAMA

[subseksyen 30(2), subperaturan 17(2)]

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2007

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2008

ARAHAN MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

.....
.....

Rujukan

Adalah terang dan nyata setelah membuat pemeriksaan saya dapati bahawa tuan telah melakukan kesalahan berikut:

.....
.....
.....

Peruntukan Undang-Undang yang berkenaan:

.....
.....

Tarikh: Masa: pagi / petang

Tempat:

Maklumat kesalahan:

.....
.....
.....

2. Tuan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa dalam menjalankan kuasa yang diperuntukkan kepada saya di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan ini dengan sejumlah RM

(Ringgit Malaysia). Jika tawaran ini diterima, bayaran boleh dibuat melalui sama ada wang tunai / perintah kiriman pos / perintah kasyier / draf bank dibuat atas nama "Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor" dipalang dan ditulis "Akaun Penerima Sahaja". Bayaran boleh dibuat secara sendirian ke Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor atau di mana-mana Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah berhampiran. Bayaran yang dibuat melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor. Resit rasmi akan dikeluarkan, apabila pembayaran dibuat.

3. Tawaran ini akan luput pada Jika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum tamat tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan / puan. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh:.....

.....
Pegawai Pelesen/Pegawai Diberi Kuasa

JADUAL KEDUA

[subseksyen 30(3), subperaturan 17(3)]

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2007

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2008

PENERIMAAN SUATU TAWARAN MENGGOMPAUN

Kepada:

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Haiwan
Negeri Selangor.

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun satu kesalahan di bawah rujukan No: bertarikh saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran kompaun tersebut dan bersama-sama ini dilampirkan wang tunai / kiriman wang / perintah kiriman pos / perintah kasyier / draf bank No. sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) sebagai pembayaran kompaun dengan penuh.

Tarikh:.....

Tandatangan:
Nama: (Huruf Besar)

.....
Alamat:
.....
.....
.....

Dibuat 18 Ogos 2008

[JPV.Sel.(S) 0711; P.U. Sel. Am 0045/1]

SHUKRI BIN MOHAMAD HAMIN
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri
Selangor